



MAJLIS DAERAH BATU GAJAH  
**NOTIS PEROLEHAN KERJA SECARA UNDIAN**  
**BIL: 2/2026**

1. Adalah dimaklumkan bahawa, Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) akan melaksanakan proses perolehan kerja secara undi bagi kerja-kerja seperti di **Lampiran 1**.
2. Kontraktor yang telah menerima kerja melalui proses undian Bil. 1/2026 adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk mendaftar atau menyertai proses undian kerja bagi Bil. 2/2026. (Tujuan syarat ini adalah untuk memastikan pengagihan peluang kerja yang lebih adil dan seimbang dalam kalangan kontraktor yang layak di daerah Kinta.)
3. Semua Kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**, **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang beralamat di daerah **KINTA** adalah dijemput untuk menyertai undian bagi perolehan kerja-kerja kecil secara undian ini.
4. Pihak kontraktor yang berminat untuk menyertai proses kerja undi ini **WAJIB** mengisi borang pendaftaran kerja-kerja undi secara 'Google Form' di **LAMAN WEB MDBG** dengan memuat naik dokumen-dokumen yang diperlukan mulai **16 Februari 2026**.
5. Hanya syarikat yang telah berdaftar sebagai kontraktor Majlis Daerah Batu Gajah pada atau sebelum **12 Februari 2026** sahaja yang layak untuk menyertai proses undian kerja Bil. 2/2026.
6. Kontraktor yang mendaftar dalam tempoh yang ditetapkan dan menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan ini sahaja akan layak untuk menyertai cabutan undi ini. Kontraktor yang gagal untuk mendaftar pada tempoh waktu yang ditetapkan atau gagal memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Jabatan akan **DITOLAK**. Berikut merupakan dokumen-dokumen yang perlu disediakan oleh pihak kontraktor:

- 6.1 Kad Pengenalan (Pemilik Syarikat). – Sila palang Salinan sebelum muat naik dokumen
- 6.2 Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) (CIDB).
- 6.3 Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) (CIDB).
- 6.4 Salinan Sijil Taraf Bumiputera (STB).
- 6.5 Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM).
- 6.6 Salinan Sijil Pematuhan Cukai (TCC). – Tahun 2026 berstatus **Patuh**. Bagi syarikat yang berdaftar sebagai syarikat perkongsian, TCC yang dikemukakan hendaklah didaftarkan atas nama syarikat. Manakala bagi syarikat pemilikan tunggal, TCC yang dikemukakan hendaklah didaftarkan atas nama pemilik syarikat.
- 6.7 Salinan Sijil Pendaftaran Kontraktor Majlis Daerah Batu Gajah.
- 6.8 Penyata Akaun Terkini.

**Nota:**

- **Semua sijil mesti masih sah pada tarikh semakan.**
- **Tempoh sah laku sijil adalah tiga (3) hingga enam (6) bulan dari tarikh tamat tempoh sah laku sijil.**
- **Kontraktor dikehendaki untuk muat naik resit bayaran bagi sebarang pembaharuan lesen syarikat sekiranya tempoh sah laku sijil telah tamat.**
- **Tawaran kerja ini adalah khusus bagi kod bidang tertentu.**
- **Hanya kontraktor yang mempunyai kod bidang tersebut sahaja yang layak untuk turut serta.**

7. Sesi undian akan dilaksanakan secara dalam talian pada **26 Februari 2026 (Khamis)** di laman '**Facebook**' rasmi MDBG.
8. Senarai kontraktor yang layak dan nombor mewakili syarikat masing - masing mengikut turutan pendaftaran akan dipaparkan dalam **LAMAN WEB** MDBG bermula pada **24 Februari 2026**.
9. Sebarang pertanyaan boleh hubungi Jabatan Kejuruteraan Majlis Daerah Batu Gajah di talian 05-363 2020 / 05-366 5930.



**(MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI, PMP., AMP.)**  
Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Batu Gajah

**Carta Maklumat Penting**  
**(Proses Kerja Undi Bil. 2/2026)**

Bil.	Proses	Tarikh dan Lokasi
1.	<p>Iklan Tawaran Kerja dan Pendaftaran Kontraktor Bagi Sesi Pengundian</p> <p>Pendaftaran melalui: Google Form</p> <p>(Yuran Pendaftaran adalah RM10.00)</p>	<p>Tarikh Iklan: 13 Februari 2026</p> <p>Tarikh Pendaftaran : 16 Februari 2026 - 20 Februari 2026</p> <p>Tarikh Tutup Pendaftaran : 20 Februari 2026 (Jumaat)</p> <p>Lokasi Iklan Dan Pautan Google Form: Laman Web Rasmi MDBG: <a href="https://www.mdbg.gov.my/index.php/informasi/tender-sebut-harga">https://www.mdbg.gov.my/index.php/informasi/tender-sebut-harga</a></p> <p>Laman Facebook Rasmi MDBG: <a href="https://www.facebook.com/mdbatugajah">https://www.facebook.com/mdbatugajah</a></p>
2.	<p>Paparan Senarai Kontraktor Yang Layak Menyertai Cabutan Undi</p>	<p>Tarikh: 24 Februari 2026 (Selasa)</p> <p>Lokasi Senarai: Laman Web Rasmi MDBG: <a href="https://www.mdbg.gov.my/index.php/informasi/terkini">https://www.mdbg.gov.my/index.php/informasi/terkini</a></p> <p>Laman Facebook Rasmi MDBG: <a href="https://www.facebook.com/mdbatugajah">https://www.facebook.com/mdbatugajah</a></p>
3.	<p>Sesi Pengundian</p> <p>(Cabutan akan dibuat secara Live Feed melalui pautan Laman Facebook Majlis Daerah Batu Gajah)</p>	<p>Tarikh: 26 Februari 2026 (Khamis)</p> <p>Lokasi :</p> <p>Laman Facebook Rasmi MDBG: <a href="https://www.facebook.com/mdbatugajah">https://www.facebook.com/mdbatugajah</a></p> <p>Masa Bermula Cabutan Undi: 9.30 pagi</p>

  
(MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI, PMP., AMP.)  
Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Batu Gajah

SENARAI PEROLEHAN KERJA SECARA UNDIAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH BIL 2/2026

SYARAT / KATEGORI KERJA	
<p>PKK: - TARAF BUMIPUTERA</p> <p>LPIPM/CIDB: - GRED G1</p> <p>PENGKHUSUSAN: - CE21</p>	

BIL	TAJUK KERJA	HARGA (RM)
1	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH JALAN DAN LONGKANG SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI LALUAN MBM 12 & 14 MEDAN BEMBAN MESRA, MDBG	50,000.00
2	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH JALAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI KAMPUNG SUNGAI DURIAN, MDBG	50,000.00
3	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH JALAN DAN LONGKANG SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI PERSIARAN SRI CAHAYA 3 DAN JALAN SRI CAHAYA, MDBG	30,000.00
4	KERJA-KERJA MENGECAT SEMULA GARISAN JALAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI LALUAN BTI 1/19	10,000.00
5	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SINKHOLE SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PERSIARAN 3A, TAMAN BEMBAN RAYA, MDBG	10,000.00
6	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH JALAN DAN LONGKANG SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN ALUR RINDU 6, RPT SERI RAHMAT, MDBG	30,000.00
7	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH JALAN DAN LONGKANG SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI LALUAN SENTANG 2, RPT SENTANG, MDBG	30,000.00
8	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH JALAN DAN LONGKANG SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI DATARAN PULAI JAYA 1, MDBG	30,000.00
9	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH JALAN DAN LONGKANG SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI PERSIARAN PINJI SELATAN 4 & 17, TAMAN DESA PELANCONGAN, MDBG	50,000.00
10	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH JALAN DAN LONGKANG SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DI JALAN PULAI JAYA 1, MDBG	50,000.00
11	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH LAMPU JALAN DI JALAN JOHAN 1/3, 2/6 & 2/8 DAN KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG SEDIADA DI JALAN JOHAN 2/4 KAWASAN PERINDUSTRIAN PENGKALAN 2 SERTA KERJA - KERJA BERKAITAN	100,000.00
12	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN ORKID 4 TAMAN PUSING BARU SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN.	50,000.00
13	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH JALAN BELAKANG DI L/B JALAN METRO 1 DAN L/B JALAN METRO 8 SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN.	50,000.00
14	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH JALAN BELAKANG DI L/B LALUAN LAHAT SENTOSA 2/4 SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN.	50,000.00
15	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG SEDIADA DI DESA TRONOH JAYA SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN.	50,000.00
16	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG SEDIADA DI BANDAR BARU SIPUTEH LALUAN 13 DAN LALUAN 7 SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN.	30,000.00
17	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG SEDIADA DI JALAN KERETAPI PUSING SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN.	30,000.00

  
**(MOHAMAD RAZIE BIN RAMLI, PMP., AMP.)**  
 Yang Dipertua,  
 Majlis Daerah Batu Gajah